

BN sentiasa ikhlas dalam perjuangan hingga dikagumi dunia — Mahathir

Oleh ZAINI RABAN

KLANG 15 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) sentiasa ikhlas dalam perjuangannya dan terbukti berjaya mentadbir negara dengan baik hingga dikagumi dunia.

Menurut bekas Perdana Menteri, sebab itu dalam 10 pilihan raya umum lalu, BN sentiasa mencapai kemenangan dan dipilih semula oleh rakyat bagi meneruskan segala rancangan yang telah diatur untuk kemajuan negara.

UM 16 MAR 2004
Kata beliau, ini berbeza dengan pakatan pembangkang yang mahu meniru sistem BN, tetapi kini pakatan itu sudah tidak wujud lagi sebab masing-masing mahu menipu sesama sendiri.

“Pas tipu DAP sebab nak dapat undi Cina dan DAP tipu Pas sebab nak dapat undi Melayu, manakala Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia pun nak tipu.

“Sebab itu mereka tidak mungkin dapat kemenangan kerana mereka bukan barisan sebenar, me-

reka adalah barisan oportunist yang semangatnya tidak seperti BN,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Memperkenalkan Calon BN Parlimen Kapar di sini, hari ini.

Hadir sama ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Dr. Mahathir juga merayu agar petugas pilihan raya BN supaya bekerja keras dalam tempoh se-

minggu ini bagi memastikan BN mencapai kemenangan yang lebih besar.

“Bukan, ya lama, seminggu sahaja, pekerja-pekerja BN perlu berhubung, berceramah serta berjumpa dengan orang ramai untuk memberitahu mereka tentang kebaikan BN.

“Dengan itu kita akan mendapat kemenangan yang tinggi dan akan memberi kekuatan kepada kerajaan yang akan dibentuk oleh BN,” katanya.